



**BAB 8:  
FAKTA TENTANG  
PEMANASAN GLOBAL**

## **ISU PEMANASAN GLOBAL**

### **FAKTA TENTANG SUHU GLOBAL**

- a) Sepanjang seabad lepas, suhu dunia meningkat secara purata sebanyak 1° Fahrenheit.
- b) Dekad yang paling panas direkodkan adalah 1990-an. (Rekod mula disimpan sejak pertengahan 1800-an.)
- c) Suhu global dijangkakan akan meningkat kepada tiga hingga sepuluh darjah Fahrenheit berdasarkan IPCC.
- d) Di Alaska, barat Kanada dan timur Rusia, suhu purata meningkat dari 4° Fahrenheit kepada 7° Fahrenheit sepanjang 500 tahun lepas berdasarkan laporan terkini Penilaian Impak Cuaca Artik. Peningkatan ini adalah jauh lebih tinggi berbanding peningkatan suhu global.

### **FAKTA TENTANG PROTOKOL KYOTO**

- a) Protokol Kyoto diwujudkan pada tahun 1997 yang memerlukan negara-negara perindustrian mengurangkan tahap pencemaran gas-gas rumah hijau bergantung kepada jumlah spesifik dan jadual spesifik.
- b) Protokol Kyoto menunjukkan kesannya pada 16 Februari 2005 apabila pengesahan rasmi telah dilakukan oleh Rusia pada 18 Disember 2004.
- c) Amerika Syarikat adalah satu-satunya negara daripada 36 negara bersekutu yang masih tidak menandatangani perjanjian tersebut.

**FAKTA TENTANG GAS RUMAH HIJAU**

- a) Gas- gas utama rumah hijau adalah wap air, karbon dioksida dan metana.
- b) Pengeluar terbesar gas-gas rumah hijau ialah China dan Amerika Syarikat. Pada tahun 2007, pembebasan gas-gas di China dan Amerika Syarikat masing-masing adalah 6.5 juta metrik tan dan 5.8 juta metrik tan. Ia adalah penyumbang terbanyak gas hijau di dunia sebanyak 22.3% (China) dan 19.90% (Amerika Syarikat).
- c) Berdasarkan kepada Pusat Data Cuaca Kebangsaan, tahap karbon dioksida di atmosfera hari ini adalah tertinggi sekurang-kurangnya dalam 420, 000 tahun.
- d) Kebanyakan karbon dioksida adalah hasil aktiviti manusia seperti pembakaran arang batu, minyak dan gas untuk tenaga.

**FAKTA TENTANG AIS KUTUB DAN PARAS AIR LAUT**

- a) Purata aras air laut global meningkat dari 4 hingga 8 inci sepanjang abad lepas, berdasarkan IPCC.
- b) Laporan IPCC pada tahun 2001 meramalkan peningkatan aras laut sebanyak 4 hingga 35 inci untuk abad lepas.
- c) Bongkah ais di Greenland mampu meningkatkan aras air laut dunia sebanyak 23 kaki. Antartika pula mampu meningkat aras air laut kepada 215 kaki.